

**PERANAN PENDIDIKAN DALAM MOBILITI  
SOSIAL: KAJIAN KES DI PUSAT  
PEMBELAJARAN ALTERNATIF  
DI PULAU MABUL, SABAH**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

**PERANAN PENDIDIKAN DALAM MOBILITI  
SOSIAL: KAJIAN KES DI PUSAT  
PEMBELAJARAN ALTERNATIF  
DI PULAU MABUL, SABAH**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : **PERANAN PENDIDIKAN DALAM MOBILITI SOSIAL: KAJIAN KES DI PUSAT PEMBELAJARAN ALTERNATIF PULAU MABUL, SABAH**  
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**  
BIDANG : **SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL**

Saya **AFIFAH BINTI GAMIRING @ HAJININ**, Sesi **2021-2023**, mengaku membenarkan tesis Master ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.



**SULIT**

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)



**TERHAD**

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)



**TIDAK TERHAD**

4. Sila tandakan ( / ):

Disahkan Oleh,

---

**AFIFAH BINTI GAMIRING @ HAJININ**  
**MA2111002T**

(Tandatangan Pustakawan)

---

Tarikh : 23 Oktober 2023

(Dr. Badariah Saibeh)  
Penyelia

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 Julai 2023

.....  
Afifah Binti Gamiring@Hajinin

MA211002T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGESAHAN**

NAMA : **AFIFAH BINTI GAMIRING @ HAJININ**  
NO. MATRIK : **MA2111002T**  
TAJUK : **PERANAN PENDIDIKAN DALAM MOBILITI SOSIAL:  
KAJIAN KES DI PUSAT PEMBELAJARAN ALTERNATIF  
PULAU MABUL, SABAH**  
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**  
BIDANG : **SOSIOLOGI DAN ANTROPOLOGI SOSIAL**  
TARIKH VIVA : **12 JULAI 2023**




### **PENYELIA**

Dr. Badariah Saibeh

## **PENGHARGAAN**

Pertama sekali, saya bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatnya saya dapat menyiapkan tesis saya ini dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Kajian ini mungkin tidak akan sempurna tanpa bantuan dan tunjuk ajar yang dihulurkan kepada saya dari pelbagai pihak.

Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada penyelia saya Dr. Badariah Saibeh di atas segala panduan dan tunjuk ajar beliau sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Saya amat menghargai penelitian secara mendalam yang dilakukan, kritikan-kritikan yang diberikan sangat membina, memurnikan idea-idea saya, memperbaiki kenyataan dan penulisan saya dan sentiasa sabar dalam menasihati saya semasa menyiapkan tesis ini.



Ucapan setulus terima kasih juga saya hulurkan kepada pihak pusat pembelajaran alternatif di Pulau Mabul atas kerjasama yang sangat baik sepanjang saya menjalankan penyelidikan di Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA) Pulau Mabul serta semua responden saya kerana sudi meluangkan masa dan memberikan maklumat kepada saya untuk menyiapkan tesis ini.

Akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang sangat memberi sokongan dan dorongan yang tidak berhenti-henti serta rakan-rakan seperjuangan saya yang sentiasa menjadi pendorong kepada usaha saya untuk menamatkan pengajian.

Afifah Binti Gamiring@Hajinin

12 Julai 2023

## **ABSTRAK**

Mobiliti sosial merupakan pergerakan daripada satu lapisan kedudukan sosial kepada kedudukan sosial yang lain yang berlaku disebabkan beberapa aspek seperti peluang pekerjaan, latar belakang keluarga dan pendidikan. Meskipun status keluarga mempengaruhi status mobiliti sosial seseorang, namun terdapat aspek lain yang mampu membantu membawa perubahan kepada mobiliti sosial seperti pendidikan. Pendidikan dapat mengubah hubungan mobiliti sosial antara asal dan destinasi sama ada mobiliti menegak, mendatar dan menurun. Oleh itu, kajian ini membincangkan tentang hubungan pendidikan dengan mobiliti sosial di empat buah Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA) di Pulau Mabul, Semporna Sabah. Kaedah temu bual dan pemerhatian digunakan untuk kutipan data. Seramai 36 orang responden telah ditemu bual termasuklah alumni PPA, tenaga pengajar PPA, kanak-kanak yang sedang belajar di PPA, ibu bapa alumni dan majikan alumni, manakala pemerhatian di PPA memerhati ruang, kurikulum, aktiviti alumni PPA di tempat kerja. Hasil kajian mendapati bahawa mobiliti sosial yang berlaku dalam kalangan alumni di PPA adalah mobiliti sosial bergerak secara mendatar dan menurun. Mobiliti sosial bergerak mendatar dipengaruhi oleh kurikulum yang ditawarkan di PPA. Kurikulum yang digunakan di PPA adalah kurikulum yang dibina oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), agensi kerajaan dan tenaga pengajar PPA dengan asas membaca, menulis dan mengira (3M). Penemuan kajian mendapati pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di PPA amat penting untuk diperaktikkan dalam pekerjaan alumni. Mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran penting yang dapat memberikan kemahiran kepada alumni yang bekerja di rumah singgah dan pusat peranginan di Pulau Mabul. Mereka dapat berkomunikasi dengan baik dengan pelancong tempatan dan luar negara. Mata pelajaran Matematik juga penting untuk diperaktikkan oleh alumni dalam pekerjaan. Walau bagaimanapun, terdapat kekangan yang dialami oleh alumni PPA untuk mendapatkan mobiliti sosial bergerak secara menegak. Kekangan ini disebabkan masalah status kewarganegaraan yang menghalang alumni mengalami mobiliti sosial bergerak secara menegak. Kajian ini melihat bahawa pendidikan di PPA memberikan kemahiran kepada alumni untuk diaplikasikan semasa bekerja seperti kemahiran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan kemahiran hidup. Walau bagaimanapun, isu kewarganegaraan menghalang pergerakan mobiliti sosial secara menegak.

**Kata kunci:** Mobiliti Sosial, Pusat Pembelajaran Alternatif, pendidikan alternatif, Pendidikan, Pulau Mabul.

## **ABSTRACT**

### **THE ROLE OF EDUCATION IN SOCIAL MOBILITY: A CASE STUDY IN THE ALTERNATIVE LEARNING CENTER OF MABUL ISLAND, SABAH**

*Social mobility is movement from one layer of social position to another social position that occurs due to several aspects such as job opportunities, family background and education. Although family status affects a person's social mobility status, there are other aspects that can help bring changes to social mobility such as education. Education can change the relationship of social mobility between origin and destination whether it is vertical, horizontal and downward mobility. Therefore, this study discusses the relationship between education and social mobility in four Alternative Learning Centers (ALC) in Mabul Island, Semporna Sabah. Interview and observation methods were used for data collection. A total of 36 respondents were interviewed including PPA alumni, PPA teaching staff, children studying at PPA, parents of alumni and alumni employers, while observations at PPA observed the space, curriculum, activities of ALC alumni at work. The results of the study found that the social mobility that occurs among alumni at ALC is horizontal and downward social mobility. Horizontal social mobility is influenced by the curriculum offered at ALC. The curriculum used at ALC is a curriculum built by non-governmental organizations (NGOs), government agencies and ALC teaching staff with the basics of reading, writing and counting (3M). The findings of the study found that the knowledge and skills learned at PPA are very important to be put into practice in alumni jobs. English and Malay subjects are important subjects that can provide skills to alumni who work in homestays and resorts on Mabul Island. They can communicate well with local and foreign tourists. Mathematics subjects are also important for alumni to practice in their jobs. However, there are constraints experienced by ALC alumni to obtain vertical social mobility. This constraint is due to the problem of citizenship status that prevents alumni from experiencing vertical social mobility. This study sees that education at ALC provides alumni with skills to apply while working such as Malay and English skills and life skills. However, citizenship issues prevent vertical social mobility.*

*Keywords:* Social Mobility, Alternative Learning Center, alternative education, Education, Mabul Island.

# **SENARAI KANDUNGAN**

Halaman

## **KANDUNGAN**

### **TAJUK**

#### **BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI FOTO</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi



### **BAB 1: PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan	
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.2.1 Pendidikan	3
1.2.2 Pendidikan Alternatif	5
1.3 Permasalahan Kajian	9
1.4 Soalan-Soalan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Skop Kajian	12
1.7 Lokasi Kajian	12
1.8 Definisi Operasional	15
1.8.1 Definisi Mobiliti Sosial	15
1.8.2 Definisi Pendidikan Alternatif	17
1.8.3 Definisi Kurikulum	21

1.8.4	Definisi Kanak-Kanak Tiada Kewarganegaraan	23
1.9	Kepentingan Kajian	24
1.10	Pembahagian Bab	25
1.11	Kesimpulan	27

## **BAB 2: SOROTAN LITERATUR DAN PERSPEKTIF TEORI**

2.1	Pendahuluan	28
2.2	Sorotan Literatur	28
2.2.1	Kajian Lepas Luar Negara	29
2.2.2	Kajian Lepas dalam Negara	34
2.3	Perspektif Teori	51
2.3.1	Model Mobiliti Sosial oleh Radrido dan Oyarzo	53
2.3.2	Model Mobiliti Sosial oleh Nor Hayati	57
2.3.3	Model Mobiliti Sosial oleh Brown	59
2.3.4	Model Mobiliti Sosial oleh Goldthorpe	61
2.4	Kerangka Konsep Mobiliti Sosial	63
2.4.1	Mobiliti Sosial	66
2.5	Kesimpulan	67

## **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	69
3.2	Reka Bentuk Kajian	70
3.3	Kaedah Penyelidikan	72
3.4	Pendekatan Kualitatif	73
3.4.1	Temu Bual	74
3.4.2	Pemerhatian	76
3.5	Tatacara Kutipan Data	77
3.6	Responden Kajian	79
3.7	Kaedah Analisis Data	81
3.8	Kesimpulan	82

**BAB 4: LATAR BELAKANG RESPONDEN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	83
4.2	Demografi Responden	83
4.2.1	Alumni Pusat Pembelajaran Alternatif	84
4.2.2	Ibu Bapa Alumni Pusat Pembelajaran Alternatif	85
4.2.3	Tenaga Pengajar Pusat Pembelajaran Alternatif	87
4.2.4	Kanak-Kanak yang sedang Belajar di Pusat Pembelajaran Alternatif	88
4.2.5	Majikan Alumni Pusat Pembelajaran Alternatif	89
4.3	Kesimpulan	90

**BAB 5: PERKEMBANGAN PUSAT PEMBELAJARAN  
ALTERNATIF DI PULAU MABUL**

5.1	Pendahuluan	91
5.2	Sejarah Pendidikan di Pulau Mabul	92
5.3	Pusat Pembelajaran Alternatif di Pulau Mabul	93
5.3.1	Kelas Bimbingan Insan (KBI)	94
5.3.2	Sekolah Saudara Borneo	97
5.3.3	Kelas Alternatif Al-Amin	101
5.3.4	Pusat Latihan dan Penyelidikan Komuniti (PULPEN)	105
5.3.5	Big John	108
5.4	Kesimpulan	109

**BAB 6: KURIKULUM PUSAT PEMBELAJARAN  
ALTERNATIF DI PULAU MABUL**

6.1	Pendahuluan	111
6.2	Pusat Pembelajaran Alternatif Pulau Mabul	111
6.2.1	Kelas Bimbingan Insan (KBI)	112
6.2.2	Sekolah Saudara Borneo	122
6.2.3	Sekolah Alternatif Al-Amin	133
6.2.4	Pusat Latihan dan Penyelidikan Komuniti (PULPEN)	142
6.2	Kesimpulan	149

**BAB 7: MOBILITI SOSIAL DI PUSAT PEMBELAJARAN  
ALTERNATIF, PULAU MABUL**

7.1	Pendahuluan	151
7.2	Mobiliti Sosial Alumni	152
7.3	Pendidikan Alumni Pusat Pembelajaran Alternatif	167
7.4	Kerangka konsep kajian	171
7.4.1	Mobiliti Sosial Bergerak Secara Menegak	171
7.4.2	Mobiliti Sosial Bergerak Secara Mendatar	173
7.4.3	Mobiliti Sosial Bergerak Secara Menurun	177
7.6	Kesimpulan	180

**BAB 8: PENUTUP**

8.1	Pendahuluan	183
8.2	Perkembangan Pusat Pembelajaran Alternatif di Pulau Mabul	183
8.3	Kurikulum Pusat Pembelajaran Alternatif Pulau Mabul	184
8.4	Mobiliti Sosial di Pusat Pembelajaran Alternatif	186
8.5	Sumbangan kajian	191
8.5.1	Sumbangan Kajian kepada Polisi	191
8.5.2	Sumbangan Kajian kepada Bidang Ilmu Sosiologi	193
8.5.3	Sumbangan Kajian kepada Komuniti	193
8.5.4	Sumbangan Metodologi	193
8.6	Cadangan kajian	194
8.7	Kesimpulan	195

**RUJUKAN** 197

**LAMPIRAN** 203

## **SENARAI JADUAL**

Halaman

Jadual 2.1:	Jenis dan Pusat Pembelajaran Alternatif di Semenanjung Malaysia	37
Jadual 2.2:	Jenis dan Pusat Pembelajaran Alternatif di Sabah	43
Jadual 3.1:	Senarai Responden Kajian	80
Jadual 4.1:	Demografi Responden Alumni	84
Jadual 4.2:	Demografi Responden Ibu Bapa	86
Jadual 4.3:	Demografi Responden Tenaga Pengajar	88
Jadual 4.4:	Demografi Responden Kanak-kanak	89
Jadual 4.5:	Demografi Responden Majikan	89
Jadual 6.1:	Mata Pelajaran di Sekolah Saudara Borneo Pulau Mabul dan Tenaga Pengajar yang Mengajar	124
Jadual 7.1:	Kelas Asal Sosial Ibu Bapa Alumni Pusat Pembelajaran Alternatif	154
Jadual 7.2:	Kelas Sosial Destinasi Alumni Pusat Pembelajaran Alternatif	160
Jadual 7.3:	Pendidikan Alumni Pusat Pembelajaran Alternatif dan Ibu Bapa Alumni	170
Jadual 7.4:	Mobiliti Sosial Bergerak Secara Mendatar Alumni di Pusat Pembelajaran Alternatif	174
Jadual 7.5:	Mobiliti Sosial Bergerak Secara Menurun Alumni di Pusat Pembelajaran Alternatif	178

## **SENARAI RAJAH**

	Halaman
Rajah 2.1: Model Mobiliti Sosial oleh Radrigo dan Oyarzo	54
Rajah 2.2: Model Mobiliti Sosial oleh Nor Hayati	58
Rajah 2.3: Prospek untuk mobiliti sosial dan Struktur Persaingan oleh Brown	60
Rajah 2.4: Model Segi Tiga OED ( <i>Origins, Education, and Destinations</i> ) oleh Goldthorpe	62
Rajah 2.5: Kerangka Konsep Mobiliti Sosial	64
Rajah 3.1: Proses Kajian Kualitatif	71
Rajah 3.2: Proses untuk Kutipan Data di Lapangan	78



## **SENARAI FOTO**

	Halaman	
Foto 1.1:	Lokasi Kajian di Pulau Mabul	14
Foto 5.1:	Papan Tanda Pusat Pembelajaran Alternatif Kelas Bimbingan Insan (KBI)	94
Foto 5.2:	Papan Tanda Pusat Pembelajaran Alternatif Sekolah Saudara Borneo	98
Foto 5.3:	Papan Tanda Pusat Pembelajaran Alternatif Kelas Alternatif Al-Amin	103
Foto 5.4:	Papan Tanda Pusat Pembelajaran Alternatif Pusat Latihan dan Penyelidikan Komuniti (PULPEN)	106
Foto 6.1:	Bahan Rujukan Kaedah Cepat Boleh Baca(BACEPAT), Pusat Pembelajaran Alternatif Kelas Bimbingan Insan (KBI)	116
Foto 6.2:	Bahan Rujukan Modul Asas Matematik Pusat Pembelajaran Alternatif Kelas Bimbingan Insan (KBI)	116
Foto 6.3:	Bahan Rujukan Bahasa Inggeris Pusat Pembelajaran Alternatif Kelas Bimbingan Insan (KBI)	117
Foto 6.4:	Bahan Rujukan Pendidikan Islam dan Bahasa Melayu di Kelas Bimbingan Insan	118
Foto 6.5:	Aktiviti Pengajaran di Kelas Bimbingan Insan (KBI)	120
Foto 6.6:	Jadual Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Saudara Borneo	125
Foto 6.7:	Bahan Rujukan Bahasa Melayu di Sekolah Saudara Borneo	127
Foto 6.8:	Bahan Rujukan Pendidikan Moral di Sekolah Saudara Borneo	128
Foto 6.9:	Bahan Rujukan Bahasa Inggeris di Sekolah Saudara Borneo	128
Foto 6.10:	Lukisan Kanak-Kanak di Sekolah Saudara Borneo	132

Foto 6.11:	Jadual Pengajaran dan Pembelajaran Kelas Alternatif Al-Amin	135
Foto 6.12:	Bahan Rujukan Pendidikan Islam Kelas Alternatif Al-Amin	137
Foto 6.13:	Bahan Rujukan Matematik di Kelas Alternatif Al-Amin	137
Foto 6.14:	Bahan Rujukan Bahasa Inggeris di Kelas Alternatif Al-Amin	138
Foto 6.15:	Sijil Kursus Latihan Tenaga Pengajar (LTP) Kaedah ABAHATA di Kelas Alternatif Al-Amin	141
Foto 6.16:	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Kelas Alternatif Al-Amin	142
Foto 6.17:	Bahan Rujukan Matematik Pusat Latihan dan Penyelidikan Komuniti (PULPEN)	145
Foto 6.18:	Bahan Rujukan Bahasa Inggeris dan Sains Pusat Latihan dan Penyelidikan Komuniti (PULPEN)	145
Foto 6.19:	Bahan Rujukan Foniks Pintar Bahasa Melayu Pusat Latihan dan Penyelidikan Komuniti (PULPEN)	146
Foto 6.20:	Aktiviti Pembelajaran kemahiran Hidup di Pusat Latihan dan Penyelidikan (PULPEN)	149
Foto 7.1:	Mobiliti Sosial Bergerak Secara Mendatar, Alumni menjadi Tenaga Pengajar di PPA	158
Foto 7.2:	Mobiliti Sosial Bergerak Mendatar. Alumni Menjadi Sukarelawan di Pulau Mabul	159
Foto 7.3:	Mobiliti Sosial bergerak Secara Menurun, Alumni sedang Menjaga Gerai	160
Foto 7.4:	Mobiliti Sosial Bergerak Secara Mendatar, Alumni Memberi Makan Lobster dan Ikan	162
Foto 7.5:	Mobiliti Sosial Bergerak Secara Mendatar, Alumni sedang Mengisi Tank untuk Kegunaan Aktiviti Laut	163
Foto 7.6:	Mobiliti Sosial Bergerak Secara Mendatar, Pelancong Tempatan sedang Memilih Cenderahati	164
Foto 7.7:	Mobiliti Sosial Bergerak Secara Mendatar, Pelancong yang Telah Membeli Kraf tangan Responden	164

## **SENARAI SINGKATAN**

<b>ALC</b>	-	<i>Alternative Learning Center</i>
<b>BLC</b>	-	Pusat Pembelajaran Bayu
<b>CLC</b>	-	<i>Community Learning Center</i>
<b>EFA</b>	-	<i>Education for All</i>
<b>FSSK</b>	-	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
<b>G2G</b>	-	<i>Government to Government</i>
<b>IPT</b>	-	Institusi Pendidikan Tinggi
<b>KBI</b>	-	Kelas Bimbingan Insan
<b>KPM</b>	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>KRECC</b>	-	<i>Karen Refugee Committee Education Entity</i>
<b>MKN</b>	-	Majlis Keselamatan Negara
<b>MKES</b>	-	<i>Mabul Kids Education Society</i>
<b>MRA</b>	-	<i>Malaysia Relief Agency</i>
<b>MAEC</b>	-	<i>Murni Alternative Education Community</i>
<b>NGO</b>	-	Pertubuhan Bukan Kerajaan
<b>OCEE</b>	-	<i>Office of Camp Education Entity</i>
<b>OED</b>	-	<i>Origins, Education, and Destinations</i>
<b>PPA</b>	-	Pusat Pembelajaran Alternatif
<b>PULPEN</b>	-	Pusat Latihan dan Penyelidikan Komuniti Pulau Mabul
<b>SDGs</b>	-	<i>Sustainable Development Goals</i>
<b>SIKK</b>	-	Sekolah Indonesia Kota Kinabalu
<b>SK</b>	-	Sekolah Kebangsaan
<b>UDHR</b>	-	<i>Universal Declaration of Human Right</i>
<b>UPR</b>	-	<i>Universal Periodic Review</i>
<b>UNHCR</b>	-	<i>United Nations High Commissioner for Refugees</i>
<b>UMS</b>	-	Universiti Malaysia Sabah
<b>YGMB</b>	-	Yayasan Guru Malaysia Berhad

## **SENARAI LAMPIRAN**

	Halaman
Lampiran A: Surat Kebenaran Menjalankan Kerja Lapangan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN)	203
Lampiran B: Kebenaran Menjalankan Kerja Lapangan daripada Fakulti Sains Sosial dan kemanusiaan (FSSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS)	204
Lampiran C: Surat Kebenaran daripada Pertubuhan Kebajikan Sedulur	205



## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Mobiliti sosial adalah proses pergerakan individu atau kelompok daripada satu lapisan kepada satu lapisan sosial yang lain. Menurut Joyed & Falcon (2014), mobiliti sosial merupakan pergerakan daripada satu kedudukan kepada kedudukan yang lain sama ada perbandingan dengan latar belakang keluarga atau pekerjaan terdahulu. Perubahan yang berlaku mungkin disebabkan oleh status keluarga atau pengaruh yang mereka ada (Nor Hayati, 2011). Status keluarga menentukan status mobiliti sosial pada generasi seterusnya. Jika status ibu bapa mereka tinggi maka anak-anak mereka juga akan mewarisi dan begitulah sebaliknya.

Pergerakan mobiliti sosial boleh berlaku disebabkan beberapa aspek seperti peluang pekerjaan, latar belakang keluarga, modal sosial dan pendidikan (Paramitha et al., 2018). Meskipun, status keluarga mempengaruhi status mobiliti sosial seseorang tetapi dalam masa yang sama terdapat aspek lain yang mampu membantu membawa pergerakan kepada mobiliti sosial iaitu pendidikan. Pendidikan menjadi kaedah lain dalam membantu membawa pergerakan kepada individu, keluarga atau masyarakat. Menurut Brown, Reay & Vincent (2013), menyatakan bahawa pendidikan melahirkan individu yang lebih cekap, terbuka dan mendapat peluang yang lebih adil dalam menentukan pergerakan mobiliti sosial seseorang. Pendidikan pastinya akan mengubah hubungan mobiliti sosial antara asal dan destinasi sama ada mobiliti sosial bergerak secara menegak, mendatar dan menurun.

Menurut Bourdieu & Passeron (1990), telah menyatakan bahawa institusi pendidikan muncul bersama-sama transformasi sistematik. Penubuhan sekolah mampu memberi latihan kepada guru, selaraskan organisasi pendidikan, peperiksaan, meningkatkan taraf perkhidmatan awam dan pekerjaan bergaji. Perkara ini amat penting dalam penubuhan institusi pendidikan agar wujudnya keselesaan kepada mereka yang sedang ataupun mahu belajar. Menurut Bourdieu (1970) dalam Radrigo & Oyarzo (2021), pula menyatakan bahawa pendidikan keluarga akan membentuk model keluarga, seterusnya kepada model pendidikan anak-anaknya, sekali gus membentuk ketaksamaan sosial dalam kalangan keluarga. Pendidikan menjadi aspek penting dalam masyarakat dan faktor utama menuju ke arah mobiliti sosial bergerak secara menegak.

Laporan Mengenai Status Hak kanak-kanak di Malaysia (2012), kanak-kanak pelarian, pencari suaka, kanak-kanak tiada kewarganegaraan dan kanak-kanak migran yang tidak ada akses kepada pendidikan kebangsaan dan sekolah bantuan kerajaan di Malaysia kerana mereka berstatus bukan warganegara dan kanak-kanak ini tidak berdokumentasi namun mereka masih boleh bersekolah di sekolah swasta tetapi memerlukan kos yang tinggi. Ibu bapa yang tidak mampu membayai perbelanjaan sekolah swasta bergantung kepada pendidikan yang dibekalkan oleh pusat pembelajaran yang tidak rasmi. UNICEF (2015) pula menyatakan Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA) dan *Community Lerning Center* (CLC) atau Pusat Pembelajaran Komuniti telah disediakan oleh agensi kerajaan, *United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR)* atau Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), korporat, agensi berasaskan kepercayaan, masyarakat dan individu kepada mereka. Wirawati et al. (2017) pula menyatakan bahawa PPA ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak yang terpinggir untuk menyelesaikan pendidikan asas mereka.

Walau bagaimanapun, kanak-kanak tiada kewarganegaraan ini hanya berpeluang menerima pendidikan alternatif yang dilaksanakan di Pusat Pembelajaran Alternatif walaupun ianya terhad (Badariah (2018); Nadzira & Khalim

(2019); Aida & Napisah (2022). Pusat Pembelajaran Alternatif ini merupakan alternatif yang diambil oleh agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan orang persendirian untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak yang tidak berpeluang mengikuti pendidikan kebangsaan di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di Malaysia.

Kajian Werfhorst & Luijkx (2010), menyatakan bahawa pemilihan subjek akademik dan saintifik dipandang tinggi kerana ia dianggap boleh membawa perubahan kepada mobiliti sosial seseorang. Kelas sosial akan mempengaruhi pemilihan subjek yang dianggap sebagai salah satu keperluan agar dapat meningkatkan mobiliti sosial, manakala Vincent et al. (2019), memberi penekanan kepada kemahiran literasi dan numerasi dan mempelajari kemahiran pembelajaran sepanjang hayat seperti kemahiran hidup dan sivik.



## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Latar belakang kajian ini melibatkan pendidikan alternatif. Bahagian ini akan membincangkan mengenai sejarah pendidikan bagaimana pendidikan boleh wujud serta tersebar sehingga kini. Bahagian ini juga akan membincangkan tentang pusat pembelajaran alternatif serta bagaimana pusat pembelajaran alternatif ini boleh dilaksanakan di Malaysia yang memberikan pendidikan kepada kanak-kanak tiada kewarganegaraan yang sah di negara ini.

### **1.2.1 Pendidikan**

Pendidikan bermula sejak zaman prasejarah lagi apabila orang muda dilatih dalam pengetahuan dan kemahiran yang dianggap perlu dalam masyarakat mereka. Mereka seterusnya menyampaikan pengetahuan yang ada dari satu generasi ke satu generasi sehingga wujud sistem pendidikan formal dan tidak formal di mana setiap sistem ini mempunyai matlamat tersendiri dan kaedah penyampaian pengetahuan. Pendidikan formal dilihat dalam sistem pendidikan kebangsaan

manakala pendidikan tidak formal merupakan kaedah lain yang digunakan untuk memberikan pendidikan kepada individu yang tidak menerima pendidikan di sekolah kebangsaan atau sekolah bantuan kerajaan.

Kajian Samruhaizad & Azahan (2017), menyatakan bahawa pendidikan amat penting pada masa kini dan pendidikan telah didedahkan kepada kanak-kanak sejak mereka masih berada di dalam kandungan sehingga mereka lahir ke dunia. Kelahiran mereka ke dunia menjadi titik awal kepada kehidupan dan bermulanya proses pembelajaran sepanjang hayat. Pendidikan merupakan satu proses menimba ilmu dalam kehidupan dan proses pembelajaran ini berlaku sepanjang hayat. Proses pendidikan mereka akan membangunkan semua potensi diri yang dimiliki agar dapat membantu mereka meningkatkan kematangan pemikiran untuk memberikan pendapat dan berhujah semasa menjalani kehidupan sebenar. Samruhaizad & Azahan (2017), menyatakan lagi seiring perkembangan semasa pendidikan dijadikan sebagai penanda aras terpenting dalam menentukan kualiti hidup seseorang. Hal ini demikian, pendidikan yang dimiliki oleh mereka mampu membantu untuk mengorak langkah dalam mencapai pekerjaan yang diinginkan. Pencapaian pendidikan individu atau masyarakat akan menggambarkan tingginya ilmu pengetahuan seseorang.

Menurut Hasan dalam Akhmal Annas et al. (2011), pendidikan dapat dilihat dari dua sudut pandang iaitu sudut pandang pertama berkaitan dengan masyarakat di mana masyarakat memandang pendidikan sebagai suatu proses pewarisan atau penyaluran kebudayaan yang mengandungi nilai-nilai budaya oleh generasi tua kepada generasi yang lebih muda secara berterusan supaya proses kelangsungan hidup masyarakat dapat berlaku. Sudut pandang kedua pula lebih menjurus kepada individu iaitu pendidikan merupakan proses membangunkan dan menggilap potensi-potensi yang sememangnya ada dalam diri manusia sehingga potensi-potensi tersebut dapat meningkatkan kemampuan seseorang.

Fungsi pendidikan yang paling asas adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang terkandung dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan (2017). Falsafah Pendidikan Kebangsaan menjelaskan bahawa:

*"Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Pendidikan Kebangsaan adalah untuk melahirkan lebih ramai masyarakat yang berilmu dan serta individu yang seimbang agar dapat memberikan sumbangan yang lebih baik kepada negara"*

(Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2017)

Meskipun pendidikan di Malaysia berpandukan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan tetapi ia hanya digunakan di pendidikan kebangsaan sahaja. Oleh itu, di Malaysia terutamanya di Sabah terdapat pendidikan lain selain pendidikan kebangsaan yang dikenali sebagai Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA). Menurut Nadzirah & Khalim (2019) masih terdapat golongan minoriti yang tidak mendapatkan pendidikan iaitu kanak-kanak tiada kewarganegaraan yang terdiri daripada pelarian, pencari suaka pemegang IMM13, pekerja asing sementara atau tetap dan warga asing yang tinggal secara haram (Wirawati et al., 2017).

### **1.2.2 Pendidikan Alternatif**

Perkara 1 dalam Artikel 26 *Universal Declaration of Human Right* (UDHR) atau Perisyntiharan Hak Asasi Manusia sejagat (1948) menyatakan bahawa pendidikan adalah hak untuk semua manusia dan pendidikan wajib haruslah diberikan sekurang-kurangnya di peringkat rendah dan prasekolah.

Hak pendidikan untuk semua juga terkandung dalam *Sustainable Development Goals* (SDGs) atau Matlamat Pembangunan Lestari. Menjelang tahun 2030, hak pendidikan yang diterima oleh kanak-kanak di peringkat prasekolah hingga menengah perlu direalisasikan sebagaimana yang terkandung di Perkara 4.1


dan Perkara 4.2. Dua perkara di Matlamat 4 dalam SDGs tersebut adalah seperti berikut:

#### **Perkara 4.1**

Memastikan semua kanak-kanak menerima pendidikan percuma di peringkat rendah dan menengah. Pendidikan yang diterima hendaklah pendidikan yang saksama dan berkualiti yang membawa hasil pembelajaran yang relevan dan berkesan.

#### **Perkara 4.2**

Memastikan semua kanak-kanak mempunyai akses terhadap pendidikan prasekolah yang membawa kepada perkembangan awal kanak-kanak yang berkualiti. Pendidikan peringkat prasekolah ini adalah persiapan kepada kanak-kanak untuk pendidikan di peringkat rendah.



Laporan dalam Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian (UNICEF, 2019), menyatakan Malaysia menyediakan peruntukan kewangan yang terbesar dalam sektor pendidikan berbanding dengan sektor lain. Pendidikan di Malaysia diberikan kepada masyarakat secara percuma di peringkat rendah sehingga peringkat menengah. Yuran hanya dibayar pada peringkat pengajian tinggi dengan peruntukan subsidi hampir 90 peratus. Walau bagaimanapun UNICEF (2015), dalam laporan yang diberikan kepada *Universal Periodic Review* (UPR) atau Penilaian Penggalan Sejagat pada tahun 2009 seramai 200,000 kanak-kanak pada usia sekolah rendah tidak bersekolah di Malaysia, manakala pada tahun 2019 pula, terdapat 100,000 kanak-kanak tidak bersekolah di peringkat rendah dan 250,000 orang lagi kanak-kanak tidak bersekolah di peringkat menengah.

Jumlah kanak-kanak yang tidak bersekolah tinggi di Malaysia disebabkan oleh kanak-kanak ini terdiri daripada kanak-kanak kurang upaya, kanak-kanak (warganegara Malaysia) tanpa sijil kelahiran, kanak-kanak pencari suaka, kanak-kanak pelarian, anak-anak tiada kewarganegaraan dan anak-anak pekerja imigran